



**JABATAN MUFTI NEGERI PAHANG**  
**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**JANGAN MEMPELAJARI AGAMA MELALUI MEDIA SOSIAL  
TANPA BERGURU**

**Tarikh Dibaca :**

**24 JANUARI 2020 / 28 JAMADIL AWWAL 1441H**

**Disediakan oleh :**

**Bahagian Rujukan Fatwa  
Jabatan Mufti Negeri Pahang**



## JANGAN MEMPELAJARI AGAMA MELAUI MEDIA SOSIAL TANPA BERGURU

24 Januari 2020 \ 28 Jamadil Awal 1441H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْحَمْدُ لِلَّهِ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ،

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِكَ وَرَسُولِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلِّمْ آلَهِ

وَأَصْحَابِهِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَّقَوِّيُ اللَّهُ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan



segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan direndai Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Sejak kewujudan media sosial penyebaran maklumat telah berkembang dengan pesat. Dahulu sesuatu berita memerlukan tempoh masa untuk diketahui. Akan tetapi, kini berita dapat diketahui hanya dalam masa beberapa saat sahaja. Kewujudan media sosial ini merancakkan lagi penyebaran maklumat sekaligus menjadi mekanisme penting untuk berhubung dan menyampaikan maklumat kepada masyarakat seperti perkongsian ilmu agama, ceramah agama bahkan ceramah yang dijalankan di masjid juga boleh ditonton sesiapa sahaja di seluruh dunia secara langsung menerusi media sosial.

Namun begitu, pembelajaran agama melalui media sosial ini hendaklah diambil perhatian dan perlu dipastikan dahulu kesahihan dan kebenaran maklumat yang disampaikan. Ini adalah kerana pembelajaran agama melalui sumber yang tidak sahih boleh mengundang kepada penyelewengan dan kesesatan. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Nisa' ayat 83:

**وَإِذَا جَاءَهُمْ أَمْرٌ مِّنْ أَلَّامِنِ أَوِ الْخَوْفِ أَذَاعُوا بِهِ وَلَوْ رَدُوا إِلَى الرَّسُولِ وَإِلَى أَنَّ أُفْلِي  
الْأَمْرِ مِنْهُمْ لَعِلْمَهُ الَّذِينَ يَسْتَبِطُونَهُ مِنْهُمْ وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُهُ لَا تَبْعَثُمُ**

**الشَّيْطَانَ إِلَّا قَلِيلًا**

٨٣

**Yang bermaksud:** “Dan apabila datang kepada mereka sesuatu berita mengenai keamanan atau kecemasan, mereka terus menghebahkannya, padahal kalau mereka kembalikan sahaja hal itu kepada Rasulullah dan kepada ‘ulul



*amri”(orang yang berkuasa) di antara mereka tentulah hal itu dapat diketahui oleh orang yang layak mengambil keputusan mengenainya di antara mereka, dan jika tidaklah kerana limpah kurnia Allah dan belas kasihnya kepada kamu tentulah kamu (terbabas)menurut syaitan kecuali sedikit sahaja(iaitu orang yang teguh imannya dan luas ilmunya di antara kamu). ”*

Seorang Ulama Sufi bernama Syaikh Abu Yazid al Bustamiy menyatakan:

**مَنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ شَيْخٌ فَشَيْحُهُ الشَّيْطَانُ**

**Yang bermaksud:** “*Barangsiapa tidak memiliki guru (dalam mencari ilmu) maka gurunya adalah syaitan*”.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Kandungan maklumat agama melalui media sosial seperti facebook, instagram, telegram, whatsapp dan lain-lain dilihat terlalu terbuka dan bebas tanpa tapisan. Bagi pengguna yang mempunyai pengetahuan asas agama yang cukup mereka mampu menapis maklumat tersebut berdasarkan ilmu agama yang dimilikinya. Sebaliknya, mereka yang tidak mempunyai pengetahuan asas agama yang cukup akan menghadapi masalah untuk menentukan kesahihan sumber maklumat tersebut. Maka akan timbulah perselisihan dalam memahami agama, akhirnya membawa kepada fitnah, kecelaranan dan boleh memecah belahan perpaduan umat Islam.



## **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Pendidikan Islam memerlukan pembelajaran yang sesuai dengan syariat Islam. Justeru umat Islam hendaklah mempelajari ajaran Islam dengan berguru. Jika kita lihat bahawa Nabi Muhammad Sallahu alaihi was salam berguru dengan Malaikat Jibril, Nabi Musa berguru dengan Nabi Khidir. Semua peristiwa itu menunjukkan bahawa Islam mementingkan guru dalam pembelajaran. Imam Syafie pernah berpesan kepada muridnya melalui nasihat yang masyhur iaitu:

**أَخِي لَنْ تَنَالَ الْعِلْمَ إِلَّا بِسِتَّةِ سَأْنِيلَكَ عَنْ تَفْصِيلِهَا بِبَيَانٍ: ذَكَاءً وَحِرْصًّا  
وَاجْتِهَادًّا وَبُلْغَةً وَإِرْشَادًّا أَسْتَاذًّا وَطُولُ زَمَانٍ**

**Yang bermaksud:** “Saudaraku kamu tidak akan memperolehi ilmu melainkan dengan enam perkara. Saya akan memberitahu kamu tentangnya dengan lebih jelas. Iaitu kecerdikan, ketekunan, kesungguhan, perbelanjaan, bimbingan guru dan masa yang panjang.”

## **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Mengakhiri khutbah ini, ingatlah bahawa media sosial bukanlah sumber asas utama untuk menguasai ilmu agama. Ilmu agama tidak boleh dipelajari melalui media sosial sahaja. Ilmu agama hendaklah dipelajari dengan berguru dan hendaklah merujuk kepada golongan yang berilmu seperti mereka yang bertauliah dan berautoriti. Fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri hendaklah dirujuk dan dipatuhi bagi memastikan tidak berlaku perpecahan dalam kalangan masyarakat.



Oleh itu, marilah kita bersama-sama menghadiri serta mengajak semua ahli keluarga kita, jiran tetangga dan sahabat handai ke majlis ilmu di mana-mana sahaja. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Nahl ayat 43:

**أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ**

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُّوحِنَ إِلَيْهِمْ فَسَأَلُوا أَهْلَ الْذِكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٤٣﴾

**Yang bermaksud:** “Dan tidaklah kami mengutus rasul-rasul sebelum kamu(wahai Muhammad),melainkan dalam kalangan orang lelaki, yang kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui.”.

**بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِكْرِ**

**الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاؤَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا**

**وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ**

**وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاهَةَ التَّائِبِينَ.**